

08/08/1997

Ada orang Umno curiga kerjasama

PASIR PUTEH, Khamis - Pas mendakwa ada segelintir pihak tertentu dalam Umno Kelantan mencurigai kerjasama Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri untuk membangunkan projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata keadaan itu menjadi punca projek berkenaan lambat ditandatangani walaupun sudah lama di perersetujui kedua-dua pihak.

Menurutnya, pemimpin Umno tempatan lebih banyak bermain politik daripada berusaha menjayakan projek berkenaan menyebabkan ia lambat dilaksanakan.

"Pemimpin Umno Kelantan bimbang dengan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan projek usaha sama itu kerana ia boleh menyebabkan mereka hilang pengaruh.

"Mereka juga bimbang jika Kelantan membangun di bawah pemerintahan Pas, hasil jalinan kerjasama Kerajaan Pusat.

"Inilah yang menyebabkan projek berkenaan lambat ditandatangani walaupun sudah lama dipersetujui kedua-dua pihak," katanya pada majlis ceramah anjuran Badan Perhubungan Pas Kelantan di Kampung Pulau Lima, dekat sini, malam tadi.

(END)